

24/06/2001

## Galeri Umno

Azran Jaffar; Jamhariah Jaafar

SEMANGAT perjuangan Umno semakin dirasakan sebaik melangkah ke ruang Galeri Umno. Laungan kata-kata keramat Merdeka yang diucapkan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman berkemundang di pintu masuk.

Galeri yang ditempatkan di lobi utama Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dirasmikan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Selasa lalu sempena Perhimpunan Agung Umno ke-55 yang berakhir semalam.

Koordinator Galeri Umno, Shariff Hamid, berkata penubuhan galeri itu diharap menjadi perintis kepada cadangan penubuhan Muzium Umno.

"Idea penubuhannya dicetuskan oleh Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang berasa perlu ada sebuah galeri yang dapat memberikan maklumat kepada orang ramai mengenai Umno," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sebelum ini ruang berkenaan hanya menempatkan potret pemimpin Umno, dan idea ini dikembangkan dan ia diisi lebih banyak bahan dan maklumat.

Disiapkan dalam tempoh sepuluh hari dengan perbelanjaan RM139,00 ia adalah gabungan antara petugas di ibu pejabat Umno serta UNO Events Sdn Bhd yang bertindak sebagai perunding binaan dan hiasan dalaman.

Berkonsepkan perjuangan lima pemimpin Umno, bahan pameran terdiri daripada tiga bentuk iaitu gambar, artifak dan juga bahan multimedia yang dipersembahkan dalam tiga zaman menceritakan sumbangan Umno kepada masyarakat Melayu dan juga negara.

"Kami mempersembhkannya dalam teknik montaj yang mampu memberikan penerangan kepada maksud yang ingin disampaikan dan untuk menghasilkannya, 2,000 keping gambar digunakan," kata Shariff.

Katanya, secara keseluruhan, bermula daripada cadangan sehinggalah siap, galeri ini mengambil masa tiga bulan untuk disempurnakan dan untuk bahan yang dipamerkan selain bahan yang memang sedia tersimpan di ibu pejabat Umno ia adalah sumbangan beberapa individu tertentu.

"Sebenarnya kami menerima banyak bahan daripada orang ramai untuk dipamerkan, tetapi tidak dapat diletakkan kesemuanya di sini kerana ruang yang agak terhad," tambahnya.

Kata Shariff, "seperti basikal tua yang dipamerkan, ia adalah milik seorang veteran Umno di Muar dan pernah digunakan oleh Presiden Umno pertama, Datuk Onn Jaafar ketika bergiat cergas dalam perjuangan Umno."

Melalui penggunaan bahan yang dipamerkan, selain membangkitkan nostalgia ia juga mampu memberikan gambaran dan suasana serta tema yang hendak diperkatakan, katanya.

Merujuk kepada kain rentang berwarna putih dengan tulisan daripada dakwat hitam yang memperlihatkan kata-kata menentang gagasan Malayan Union, Shariff menjelaskan, ia secara simbolik memperlihatkan kepada pengunjung betapa Umno dengan kekuatan dan perpaduan yang dicapai berusaha mengelakkan Malayan Union daripada menjadi kenyataan.

Begitu juga dengan binaan bahagian hadapan rumah Melayu di kawasan perkampungan, ia ingin memberitahu kepada pengunjung bahawa sejak sekian lama, Umno menjadi wadah dalam membangunkan masyarakat Melayu yang rata-ratanya pada awal penubuhan Umno berada dalam lingkungan kemiskinan dan hanya menghuni kawasan luar bandar, katanya.

Bahan-bahan ini adalah antara apa yang dimuatkan dalam segmen sebelum merdeka dan di sebelahnya ditempatkan kotak pameran yang diisi dengan risalah dan bahan bercetak mengenai Umno serta beberapa buah akhbar lama

yang ada di antaranya seawal tahun 1930-an seperti Warta Malaya, Warta Merdeka dan Alliance.

Selain itu, kotak pameran ini turut menempatkan contoh pakaian yang menjadi fesyen yang cukup sinonim dengan Datuk Onn Jaafar iaitu baju Melayu Teluk Belanga dan juga songkok hitam serta beberapa cenderamata mengenai Umno.

Pada salah satu kotak pameran ini jugalah tersimpan barang yang tidak ada di mana-mana muzium pun di negara ini iaitu sebuah album yang memaparkan gambar sepanjang lawatan Tunku Abdul Rahman ke Indonesia pada November 1955 yang dibuat sebelum pemergian Tunku ke London untuk mengadakan perundingan mengenai kemerdekaan Malaya.

Menurut Shariff, pihaknya masih menjalankan penyelidikan mengenai album ini dan hubungan Malaysia dengan Jakarta pada waktu itu dan ia ditemui sewaktu kerja-kerja pemerolehan bahan pameran dilakukan dan pihaknya bernasib baik kerana ia masih dalam keadaan baik walaupun terdapat beberapa bahagian halaman tertentu yang sudah agak reput.

Mengenai hal ini, Shariff juga berkata bahawa galeri Umno cuba memaparkan kelainan kerana apa yang terdapat di sini tidak mungkin ditemui di muzium yang ada di negara ini.

"Walaupun ada Memorial Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak namun kami tidak meminjam barangan di sana kerana kami tidak mahu mempersembahkan barangan yang sama," jelasnya.

Inilah kelebihan Galeri Umno kerana selain memaparkan perjuangan Umno ia juga dapat bertindak sebagai pusat rujukan dan maklumat khusus mengenai Umno.

Jika sayap sebelah kiri memaparkan perjuangan Umno sebelum merdeka, sayap kanan pula menceritakan kejayaan Umno dan negara. Dengan lelangit Bendera Malaysia beralun yang diselitkan pada palang kayu yang membentuk seperti bumbung ia memberikan pengunjung suasana kejayaan sewaktu melalui bawahnya.

Selain lukisan mengenai kejayaan yang dicapai oleh negara serta wajah pemimpin-pemimpin negara yang membawa negara ke era kejayaan, bahagian ini turut menempatkan sebuah kereta nasional model Waja, sebuah motosikal Jaguh serta Kriss.

Selaras dengan perkembangan teknologi, di bahagian ini juga ditempatkan dua monitor yang mana pengunjung dihidangkan dokumentari yang bertemakan Perjuangan Belum Selesai.

"Dokumentari ini menceritakan perjuangan pemimpin-pemimpin terdahulu sejak zaman Jepun sehinggalah sekarang yang mana banyak perkara yang boleh diketahui pengunjung," kata Shariff.

Dibuka dari 9 pagi hingga 5 petang dari hari Isnin hingga Sabtu, bahan-bahan yang dipamerkan di Galeri Umno pada masa ini adalah antara sebahagian khazanah Umno yang dipamerkan.

Selain pameran ini, kami juga membuka ruang di sini untuk bahagian-bahagian lain di dalam Umno untuk mengadakan pameran, seperti akan datang yang akan diisi oleh Wanita Umno. Manakala bagi ibu pejabat Umno sendiri, pihak kami bercadang mengisinya dengan bahan lain pada masa akan datang," katanya